

## **Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2020**

Jabatan Perhutanan Sabah telah mengadakan Kempen Kesedaran untuk Penanaman Semula Pokok Bakau seiring dengan Program Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 yang bertemakan, “Hutan dan Biodiversiti” : Khazanah Yang Tidak Ternilai. Hal ini kerana Hutan Bakau atau Hutan Paya Laut adalah salah satu daripada kawasan yang mempunyai Ekosistem yang unik dan habitat pelbagai jenis haiwan dan tumbuhan.

Di samping itu Hutan Bakau memainkan banyak fungsi lain yang sangat penting seperti menstabilkan pantai, mengelakkan hakisan, benteng menghalang pencemaran dan ombak besar (Tsunami), kenaikan paras laut dan lain-lain. Hakikat kewujudan Hutan Bakau sangat besar impaknya kepada Ekosistem. Jabatan Perhutanan setiap Negeri di Malaysia giat mengadakan kempen kesedaran dan program Penanaman Semula Pokok Bakau dan Spesis-Spesis Yang Sesuai dipersisiran pantai negara setiap tahun semenjak tahun 2005 demi memelihara dan memulihara Hutan Paya Laut.

Pada tahun 2019 program ini dilaksanakan di Kedah pada 12 April di Hutan Simpan Blok 5, Kompt. 10, Hutan Simpan Merbok, Sungai Petani Kedah. Setakat tahun 2019 sebanyak 1,410ha tanaman Pokok Bakau pelbagai spesis telahpun ditanam di Negeri Sabah di bawah peruntukan Persekutuan (RMK – 9, 10 & 11), Peruntukan Negeri Sabah dan juga peruntukan daripada Syarikat Insuran Tokyo Marin dengan kerjasama ISME (International Society for Mangrove Ecosystem). Antara Hutan Simpan yang sedang dipulihkan ialah, Hutan Simpan Semporna, Hutan Simpan Kudat, Hutan Simpan Sulaman Lake, dan Hutan Simpan Tawau.

Matlamat dan Objektif Program ini adalah untuk menyelamatkan khazanah alam semulajadi dan kepentingan untuk membantu Ekosistem Hutan Bakau agar tidak pupus. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk melindungi habitat fauna seperti Proboscis Monkey, Memerang dan lain-lain spesis akuatik yang unik dan menjadi tarikan utama para pelancong dalam dan luar negeri yang terdapat di Hutan Paya Laut.

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersama menyokong Program Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 di Hutan Paya Laut Matang, Perak Pada 26 Julai 2020 dengan menyokong program Penanaman Pokok di Sabah.



## PENANAMAN SEMULA POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI NEGERI SABAH



Setakat Tahun 2019, lebih kurang sebanyak 1,410 ha tanaman pokok bakau perbagai spesies telah pun di tanam di Negeri Sabah yang melibatkan peruntukan Pesekutuan (RMK-9, 10 & 11), Peruntukan Negeri Sabah dan juga Peruntukan daripada syarikat Insuran Tokyo Marin dengan kerjasama bersama ISME (International Society for Mangrove Ecosystems)